

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJUNG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan huraikan status terkini pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang. Apakah punca kelewatan, perancangan baru dan kos terkini projek berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang, Pulau Pinang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dengan kos projek berjumlah RM150 juta dan akan diteruskan dalam RMKe-12.
2. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah melantik Jurutera Perunding pada Mac 2019 bagi kerja-kerja rekabentuk terperinci bagi menentukan rekabentuk dan opsyen kerja fizikal yang terbaik bagi menangani masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang.

## **NO. SOALAN : 50**

3. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang ini masih di peringkat rekabentuk terperinci. Rekabentuk terperinci dijangka siap pada 16 April 2021. Kelewatan di peringkat rekabentuk terperinci ini disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 18 Mac 2020 dan terdapat pertambahan jarak dalam kerja-kerja ukur kejuruteraan parit utama.
  
4. Pelaksanaan kerja fizikal RTB Lembangan Sungai Pinang dijadual pada bulan Ogos 2021 dan dijangka siap pada pertengahan Julai 2025.

Sekian, terima kasih.